

PRAKTIS 2

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Guru Matematik kelas kami sedang membincangkan tentang topik algebra kepada murid.

2. Mereka kesalkan sikap segelintir anggota masyarakat yang suka membuang sampah di merata-rata tempat.

3. Pihak berkuasa sukar membanteras masalah buli dalam kalangan murid oleh kerana terdapat segelintir pihak menyembunyikan kes tersebut daripada pihak berkuasa.

4. Azhar berjaya keluar dari hutan tebal itu berpandukan pada peta tersebut.

5. Guru disiplin meminta ketua kelas-ketua kelas membuat laporan jika ada murid yang melanggar peraturan sekolah semasa berada di kelas.

6. Perdana Menteri telah menghadap Yang di-Pertuan Agong bagi mendapatkan persetujuan baginda tentang cadangan pelantikan barisan kabinet yang baharu.

7. Ariff mula menempa nama dalam kalangan pelari pecut negara apabila dia memecah rekod sebagai pelari pecut paling terpanas dalam kejohanan sukan peringkat kebangsaan.

8. Khabar angin tentang hubungan sulit Hang Tuah dengan dayang istana menyebabkan Sultan Mahmud berasa marah lalu menjatuhkan hukuman bunuh terhadap laksamana terbilang itu.

9. Permaisuri Sultan Mansor Syah telah meninggal dunia ketika melahirkan Puteri Bongsu setahun yang lalu.

10. Baju kurung berwarna biru laut itu dibeli oleh saya untuk dipakai semasa majlis pertunangan kakak.
